



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KAEDAH TERJEMAHAN DAN STRUKTUR BERITA BAHASA INGGERIS
KE DALAM BAHASA TAMIL***

LOGESWAARI A/P ELUMALAI

FBMK 2021 63



**KAEDAH TERJEMAHAN DAN STRUKTUR BERITA BAHASA INGGERIS
KE DALAM BAHASA TAMIL**

Oleh

LOGESWAARI A/P ELUMALAI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Julai 2021

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini , termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

KAEDAH TERJEMAHAN DAN STRUKTUR BERITA BAHASA INGGERIS KE DALAM BERITA BAHASA TAMIL

Oleh

LOGESWAARI ELUMALAI

Julai 2021

Pengerusi : Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Terjemahan melibatkan pemindahan makna dari satu bahasa ke satu bahasa lain, maka wujudnya teori- teori terjemahan bagi menghantarkan makna daripada seorang manusia kepada manusia lain. Kepentingan terjemahan berita semakin meningkat dalam dekad yang lalu telah meningkatkan isu tentang keaslian terjemahan berita itu sendiri yang membawa kepada pemindahan daripada konsep kesepadanan antara teks sumber dengan teks sasaran. Bagi golongan pembaca berita dunia Tamil yang hanya bergantung kepada surat khabar, mereka perlu mendapat berita yang cukup jelas dan padat. Dalam hal ini, seseorang penterjemah harus menguasai teori, kemahiran, serta berpengetahuan dalam bidang yang terlibat. Rentetan itu, penterjemah perlu menggunakan kaedah terjemahan yang sesuai supaya menghasilkan sebuah teks terjemahan yang tidak mengelirukan masyarakat. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengkaji kaedah terjemahan dan struktur terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke dalam berita bahasa Tamil. Pengkaji memilih 40 set berita dunia yang terdiri daripada 40 berita bahasa Inggeris dan 40 berita bahasa Tamil. Pengkaji mengumpul berita sumber dan berita terjemahan daripada agensi berita Malaysia Namban. Akhbar tersebut dipilih sebagai sumber berita bahasa Tamil kerana akhbar ini merupakan surat khabar paling banyak dibaca antara akhbar berbahasa Tamil di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan membuat pemerhatian kepada teks berita bagi mengenalpasti kaedah terjemahan dengan teori terjemahan Newmark (1988) dan membuat perbandingan struktur berita sumber serta terjemahan mengikut konsep Piramid Terbalik Stovall (2012). Kajian ini membincangkan keberkesanan struktur terjemahan berita. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kaedah terjemahan bebas dan harafiah lazim digunakan. Struktur berita sumber dikekalkan dalam terjemahan. Hasilnya menunjukkan kedua- dua berita sumber dan berita terjemahan mengutamakan maklumat paling penting dalam struktur penulisan berita. Tambahan pula, struktur ini berefektif dalam menghasilkan teks berita yang padat dan jelas. Kajian ini menjadi rujukan kepada bidang penterjemahan berita bahasa Tamil dalam meningkatkan kualiti teks terjemahan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu penterjemah untuk menggunakan kaedah terjemahan yang sesuai supaya menghasilkan teks berita yang berefektif.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

TRANSLATION METHODS AND STRUCTURE OF ENGLISH NEWS INTO TAMIL NEWS

By

LOGESWAARI ELUMALAI

July 2021

Chairman : Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

Translation involves the transfer of meaning from one language to another, so there are theories of translation to transmit the meaning from one to another. As the importance of news translation in the last decade has raised the issue of the authenticity of the news translation itself leading to a shift away from the concept of correspondence between the source text and the target text. For Tamil world news readers who only rely on newspapers, they need to get news that is clear and concise enough. In this case, a translator must master the theory, skills, as well as have knowledge in the field involved. Hence, translators need to use appropriate translation methods in order to produce a translated text that does not confuse the reader. Therefore, the researcher is interested in studying the translation method and structure of news translation of English to Tamil. The researcher selected 40 sets of world news consisting of 40 English news and 40 Tamil news. The researcher collected the news from the Malaysia Nanban news agency. The newspaper was chosen as it is the most read newspaper among the Tamil language newspapers in Malaysia. This study is a qualitative study by making observations to the news text to identify the method of translation with Newmark's (1988) translation theory and compare the structure of source news with translated news according to the concept of the Inverted Pyramid of Stovall (2012). This study discusses the effectiveness of news translation structure. The findings of this study indicate that free translation method and literal translation method are commonly used. The structure of the source news is maintained in translation. The results show that both source news and translated news prioritize the most important information in the structure of news writing. In addition, this structure is effective in producing a concise and clear news text. This study is a reference to the field of Tamil news translation in improving the quality of translated texts. This study is also expected to help translators to use appropriate translation methods in order to produce effective news.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada tuhan, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai cabaran dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Veeramohan Veeraputhran, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tambahan pula, saya juga mengucapkan terima kasih sam banyak kepada penyelia kedua saya Dr. Manimangai Mani dalam membimbing saya untuk menyiapkan tesis ini.

Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah dan staf teknikal di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang sudi berkongsi pengalaman dan telah memberi sokongan penuh dalam kerja lapangan dan memudahkan proses untuk mendapat data sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, En. Elumalai dan Pn. Vasantha Devi yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, serta membiayai tanggungan kos ijazah sarjana ini. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Veeramohan a/l Veeraputhran, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Manimangai a/p Mani, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh : 9 Disember 2021

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Logeswaari a/p Elumalai GS51143

Perakuan ahli jawatankuasa penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam KaedahKaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012- 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : Veeramohan a/l Veeraputhran

Tandatangan : _____
Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : Manimangai a/p Mani

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
BAB	
1	
PENGENALAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Persoalan Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Skop Kajian	5
1.8 Kerangka Teori Analisis Data Kajian	6
1.9 Definisi Operational	8
1.9.1 Berita Dunia	8
1.9.2 Bahasa Tamil	9
1.9.3 Bahasa Inggeris	9
1.9.4 Bahasa Sumber	10
1.9.5 Bahasa Sasaran	10
1.9.6 Struktur berita	10
1.9.7 Kaedah Terjemahan	10
1.10 Kesimpulan	10
2	
SOROTAN KAJIAN	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Perkembangan Akhbar Bahasa Tamil	11
2.3 Teks Berita	12
2.4 Kaedah Terjemahan dan Struktur Berita	14
2.5 Kesimpulan	20
3	
METODOLOGI	21
3.1 Pengenalan	21
3.2 Rekabentuk Kajian	21
3.3 Lokasi Kajian	23
3.4 Persampelan Kajian	23
3.5 Proses Penterjemahan Berita Dunia	24
3.6 Teori Analisis Data Kajian	24
3.6.1 Kaedah Terjemahan Newmark	24
3.6.2 Struktur Berita Stovall	25
3.7 Kajian Rinitis	26
3.8 Prosedur Analisis Data	29

3.9	Kesimpulan	30
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	31
4.1	Pengenalan	31
4.2	Analisis Kaedah Terjemahan	31
4.3	Perbincangan struktur berita	46
4.4	Keberkesanan Struktur Berita Terjemahan	58
4.4	Kesimpulan	60
5	PENUTUP	61
5.1	Pengenalan	61
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	61
5.3	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	66
5.4	Kesimpulan	67
	RUJUKAN	68
	LAMPIRAN	73
	BIODATA PELAJAR	115
	SENARAI PENERBITAN	116

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.7.1	Kaedah Terjemahan Kajian Rintis	26
3.7.2	Struktur Berita Kajian Rintis	28
3.8	Proses pengumpulan dan penganalisan data Kualitataif	29
4.2	Kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan berita dunia Bahasa Inggeris ke dalam berita Bahasa Tamil	31
4.3	Perbandingan Struktur berita terjemahan berita dunia Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Tamil	46

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.8.1	Kaedah Terjemahan Newmark (1988)	6
1.8.2	Struktur Berita Stovall (2012)	7
3.2	Proses Kajian	21
3.6.1	Kaedah Terjemahan Newmark (1988)	24
3.6.2	Struktur Berita Stovall (2012)	26
4.2	Kaedah terjemahan yang digunakan dalam terjemahan berita dunia Bahasa Inggeris ke dalam berita Bahasa Tamil	40

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Media massa merupakan saluran yang sangat penting dalam menyampaikan maklumat tentang masalah yang berlaku di luar dan dalam negara. Hal ini membantu masyarakat lebih peka dan prihatin tentang isu yang berleluasa di sekelilingi mereka. Media cetak, media elektronik, dan media online merupakan jenis- jenis media massa. Media massa kini menjadi saluran penyebaran berita awal dan terkini. Berita merupakan laporan pertama sesuatu kejadian yang penting sehingga kejadian tersebut dapat menarik perhatian umum. Berita luar negara menjadi sumber terpenting dalam pembangunan sesebuah negara. Penterjemah memainkan peranan penting dalam mengupas dan menyampaikan maklumat berita kepada masyarakat dalam bahasa yang boleh difahami.

1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) berita diberi definasi sebagai laporan tentang sesuatu hal. Berita adalah sesuatu informasi yang penting dan menarik minat orang ramai. Berita merupakan sumber maklumat (Noor Bathi, 2002) kerana berita mendapat permintaan daripada seluruh dunia. Berita biasanya menyampaikan maklumat baru (Stephens, 1988). Berita mencerminkan dunia pada masa kini serta yang lalu Schudson (1986). Tambahan pula, berita sentiasa membahaskan tentang perkara-perkara realiti yang luar biasa (Shoemaker & Cohen, 2006).

Berita ialah sesuatu yang baru, penting yang dapat memberikan impak dalam kehidupan seseorang manusia (Freda Morris, 1996). Reuters ialah agensi berita antarabangsa tertua yang membekalkan berita di Malaysia. Terdapat juga agensi berita antarabangsa yang lain seperti *United Press- International(UPI)*, *Associated Press(AP)* dan *Agence France- Press(AFP)*. Agensi- agensi tersebut merupakan agensi terbesar dunia. Malaysia juga mempunyai agensi berita sendiri selain bergantung pada agensi luaran dalam mendapatkan berita antarabangsa. Agensi berita Malaysia ialah Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA). Oleh itu, berita dari seluruh dunia perlu diterjemahkan untuk disampaikan kepada pembaca sasaran.

Berita dan terjemahan saling berhubungkait kerana wujudnya berita dalam pelbagai bahasa. Proses terjemahan mendorong kepada berita diterjemahkan dalam pelbagai bahasa yang boleh difahami oleh masyarakat. Tambahan pula, Rokiah (2000) berpendapat bahawa penterjemahan memainkan peranan yang amat penting dalam penulisan berita dalam menyebarkan sesuatu peristiwa yang berlaku kepada seluruh dunia. Oleh itu, berita dari seluruh dunia harus diterjemahkan sebelum disampaikan kepada pembaca sasaran.

Penulisan berita mempunyai gaya bahasa dan larasnya tersendiri (Asmah, 1987). Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada penterjemahan berita di Malaysia. Antaranya termasuklah saluran media di Malaysia bergantung kepada agensi berita antarabangsa bagi memperoleh berita luar negara, kemajuan teknologi, dan kewujudan berita sasaran dalam pelbagai bahasa.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005) terjemahan didefinisikan sebagai perpindahan yang berlaku daripada satu bahasa ke satu bahasa yang lain ataupun mangalihbahasakan. Terjemahan adalah komunikasi makna antara teks bahasa sumber dan teks bahasa sasaran yang setara. Vourinen (1997) mengatakan bahawa istilah 'terjemahan' sesuai digunakan dalam pemprosesan berita luar negara. Hal ini menunjukkan bahawa sesuatu teks berita melalui pelbagai proses penapisan seperti pengantian maklumat, penambahan maklumat, penguguran maklumat, penyusunan semula maklumat serta perenggan berita, dan sebagainya. Oleh itu, Vourinen (1997) mengkategorikan proses ini sebagai 'terjemahan' dimana wartawan memerlukan kerja-kerja penyuntingan berita dunia.

Justeru itu, para penterjemah perlu diberi lebih penekanan yang sentiasa menterjemah bahasa daripada pelbagai bidang. Dalam hal ini, seseorang penterjemah harus menguasai teori, kemahiran, serta pengetahuan dalam bidang yang terlibat. Tambahan pula, Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang bangsa dan agama. Maka jelaslah bahawa pentingnya bagi seseorang penterjemah setiap bahasa yang terlibat perlu menguasai makna, struktur, gaya dan laras bagi proses terjemahan berita.

Kita dapat lihat bahawa bidang penterjemahan berita bukanlah sesuatu yang dipandang remeh kerana sudah terdapat pelbagai siaran televisyen dan radio yang menyampaikan berita dalam pelbagai bahasa seperti berita Melayu, berita Tamil dan berita Cina. Namun, kajian ini hanya memberi penekanan kepada terjemahan berita Inggeris ke berita Tamil. Faktor kewujudan perbezaan makna konotasi dan denotasi bahasa Tamil memberi kesan kepada teks terjemahan.

Pandangan Bell(1991) mengatakan bahawa penggunaan struktur bahasa dengan betul menjadi suatu cabaran yang utama dalam teks penterjemahan kerana terdapat perbezaan dari segi penggunaan ayat dan struktur ayat dalam bahasa masing-masing. Ini kemungkinan mendorong kepada berlakunya kesilapan dalam teks terjemahan. Tambahan pula, persamaan dalam terjemahan antara dua bahasa adalah mustahil kerana setiap bahasa mempunyai perbezaan dari segi peraturan tatabahasa yang tersendiri (Bell, 1991). Dalam proses terjemahan berita, para penterjemah tetap menghadapi halangan bagi menghasilkan persamaan yang tepat dalam bahasa sasaran.

Daripada 32.7 juta populasi di Malaysia, 2.02 juta (6.8%) masyarakat terdiri daripada kaum India. Daripada 2.02 juta hanya 415000 masyarakat India (20.55%) membaca akhbar tamil *Malaysia Nanban*. *Malaysia Nanban* merupakan surat khabar Tamil yang paling popular di Malaysia. Menurut emel pengarah, berdasarkan *Nielson Consumer & Media Study*(2019), akhbar tersebut mempunyai pembaca yang tertinggi berbanding surat khabar Tamil lain di Malaysia sehingga kini. Jumlah pembaca berita Tamil

menunjukkan amat sedikit iaitu hanya 20.55% sahaja. Hal ini mungkin kerana jumlah penduduk yang tahu membaca bahasa Tamil kurang. Selain itu, mereka juga mendapatkan berita daripada pelbagai sumber yang lain seperti telefon pintar, rangkaian internet dan juga radio juga mendorong kepada pembaca kurang. Golongan yang berpendidikan tinggi boleh dikatakan mereka mendapatkan dan membaca berita dunia melalui pelbagai sumber tetapi golongan yang hanya bergantung kepada teks berita surat khabar perlu mendapatkan berita dunia yang secukupnya supaya meningkatkan pengetahuan am. Oleh itu, maklumat berita dunia yang diterjemahkan ke dalam bahasa Tamil perlulah jelas dan penuh dengan maklumat supaya mereka tidak ketinggalan.

1.3 Pernyataan Masalah

Terjemahan ialah proses pemindahan bahasa dalam satu teks dari bahasa sumber ke bahasa sasaran melalui penulisan. Pendapat Newmark(1981) menunjukkan persamaan bahawa penterjemahan ialah pengalihan maklumat yang tertulis dalam bahasa sumber ke bahasa sasaran dengan memberi keutamaan kepada kesepadanan makna. Bidang terjemahan melibatkan pemindahan makna dari satu bahasa ke satu bahasa lain, maka wujudnya teori- teori terjemahan bagi menghantarkan makna daripada seorang manusia kepada manusia lain. Terjemahan yang dihasil oleh kedua- dua penterjemah tidak mungkin sama. Walaubagaimanapun, teks terjemahan yang dihasilkan mestilah mudah difahami dan mudah boleh dibaca oleh pembaca sasaran (Mohd Aion & Abdullah Hassan, 2008).

Anis Shahirah Abdul Sukur & Puteri Roslina Abdul Wahid (2015) menyatakan bahawa penterjemah masih setia dalam menghasilkan terjemahan berita dunia dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu kaedah pengguguran dan kaedah parafrasa. Maka dalam proses ini, penterjemah menggunakan beberapa kaedah supaya menghasilkan teks terjemahan yang tepat dan mudah difahami. Oleh itu, pengkaji berminat untuk mengkaji terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke bahasa Tamil untuk mengetahui kaedah yang digunakan oleh penterjemah bahasa Tamil. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji memberi penekanan kepada kaedah atau teknik terjemahan teks berita dunia Inggeris ke dalam berita Tamil. Dalam pada masa yang sama, kajian lepas yang berkaitan dengan terjemahan berita bahasa Tamil hanya sejumlah kecil sahaja di negara ini.

Tambahan pula, perkataan bahasa Tamil mempunyai istilah yang merujuk maksud yang sama. Contohnya, *newspaper* disebut seperti [*na:lita*], [*pattirikai*], [*ita*] dan sebagainya. Keadaan ini memberi keberatan kepada para penterjemah yang tergesa-gesa dalam melakukan proses terjemahan bagi menyampaikan berita dengan segera. Ini merupakan salah satu cabaran penterjemah bagi menghasilkan teks terjemahan setiap hari dengan segera. Rentetan itu, terdapat kemungkinan besar untuk penterjemah tertinggal maklumat atau tersalah menterjemahkannya kerana kekangan masa. Oleh itu, penterjemah perlu menggunakan kaedah yang betul dalam menghasilkan teks yang berkualiti. Dalam pada masa yang sama, seseorang penterjemah harus bersikap terbuka sewaktu terjemahan sesuatu teks kerana penterjemah berperanan penting dalam menyampaikan maksud dan maklumat yang terdapat dalam teks sumber ke dalam teks

terjemahan. Situasi ini boleh dikaitkan dengan penterjemah berita akhbar *Malaysia Namban* yang bertanggungjawab dalam menterjemahkan berita antarabangsa bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil. Maklumat berita yang dikumpul oleh wartawan perlu melakukan penentuan struktur berita bagi proses terjemahan dan penyuntingan berita.

Penulisan teks berita mempunyai strukturnya tersendiri. Penulisan berita perlu berstruktur dan bersistematik supaya pembaca mendapat maklumat secara tersusun dan pantas serta memudahkan proses penyuntingan. Maka, sekiranya mesej teks asal tidak diterjemahkannya dengan betul kekeliruan boleh berlaku antara para pembaca dan mesej berita tidak dapat disampaikan dengan penuh atau padat. Penterjemah menjadi nadi sesuatu akhbar dalam memberikan maklumat yang penting dan lengkap dari bahasa sumber ke bahasa sasaran (Muturasan, 1994). Maka, penterjemah perlu memberikan berita secara tepat dan jelas. Berita yang lengkap ditentukan oleh struktur penulisannya. Rentetan itu, penterjemah berita bertanggungjawab dalam menyampaikan maklumat secara tersusun kepada pembaca sasaran kerana penggunaan kaedah terjemahan turut berkait rapat dengan struktur penulisan berita dalam menyampaikan teks berita yang jelas dan padat. Struktur penulisan berita yang banyak digunakan ialah berkaitan dengan Piramid Terbalik Stovall (2012). Keadaan ini mendorong pengkaji untuk membandingkan struktur berita dunia bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil dan kemudian membincangkan keberkesanan struktur berita terjemahan. Hal ini kerana, struktur berita mempunyai hubungan yang rapat dengan pembaca dalam menentukan pembaca mendapat berita secara tersusun, padat dan jelas.

Tambahan pula, kajian berkaitan terjemahan berita Inggeris ke Tamil tidak pernah dikaji di negara kita. Hanya terdapat kajian tentang terjemahan berita bahasa Melayu ke Tamil. kajian terjemahan berita Tamil kebanyakannya melibatkan berita radio. Maka, pengkaji menampung jurang kajian dengan menganalisis terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke Tamil dengan menganalisis berita surat khabar.

1.4 Objektif Kajian

1. Membincangkan teknik terjemahan yang digunakan dalam terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke dalam berita bahasa Tamil.
2. Membandingkan struktur terjemahan berita dunia bahasa Tamil dan berita bahasa Inggeris.
3. Membincangkan keberkesanan struktur terjemahan berita dunia yang digunakan.

1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah teknik terjemahan yang digunakan oleh para penterjemah dalam terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil?
2. Sejauh manakah struktur berita dikekalkan dalam terjemahan berita dunia ke dalam berita Bahasa Tamil bagi menghasilkan berita terjemahan yang jelas dan tidak mengelirukan rakyat?

3. Sejauh manakah struktur berita terjemahan ini berkesan untuk penyampaian berita sumber berdasarkan struktur berita Stovall (2012)?

1.6 Kepentingan Kajian

Berita sumber biasanya terdiri daripada bahasa lain dan beberapa media siaran bahasa Tamil perlu menterjemahkan berita bagi pembaca sasarannya. Jika sesuatu terjemahan tidak jelas atau masyarakat keliru terhadap sesuatu berita maka terjemahan itu tidak berjaya. Oleh itu, semua penterjemah berita harus mengambil perhatian dalam menterjemahkan berita supaya terjemahan itu disampaikan kepada masyarakat dengan jelas. Walaupun penggunaan bahasa Tamil di Malaysia amat luas dalam surat khabar, radio serta televisyen di Malaysia, rancangan berita Tamil perlu melalui proses terjemahan. Kajian ini boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada media penyiaran berita Tamil untuk meningkatkan kualiti terjemahan. Penyelidikan ini diharap membantu mereka dalam mengetahui teknik terjemahan yang sesuai serta struktur penulisan berita yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Kajian ini berguna sebagai satu garis panduan kepada penterjemah yang menterjemahkan teks bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil bagi mengetahui teknik terjemahan dan struktur berita dalam terjemahan.

Hasil kajian ini dapat menyumbang dalam media bagi meningkatkan mutu terjemahan berita bahasa Tamil serta meningkatkan kualiti terjemahan teks bahasa Tamil. Selain itu, kajian ini dapat menambahkan kumpulan kajian dalam bidang terjemahan bahasa Tamil. Hal ini kerana, kajian terjemahan bahasa Tamil kurang berbanding dengan bahasa- bahasa lain di Malaysia.

Tambahan pula, kajian ini menjadi satu tinjauan kepada bakal penyelidik menceburi bidang terjemahan. Penyelidikan terjemahan ini dapat mencetuskan idea dalam menganalisis terjemahan berita bahasa Tamil. Kajian ini akan menjadi tinjauan bagi bakal penyelidik lain yang ingin mengkaji terjemahan berita Tamil dengan lebih mendalam.


1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya dapat menganalisis data yang dikumpul daripada agensi berita. 40 teks sampel akan dianalisis dalam kajian ini yang disiarkan di surat khabar *Malaysia Namban*. Ini adalah satu kajian perbandingan antara berita Inggeris dan berita Tamil. Maka, sebenarnya sejumlah 80 teks berita akan dianalisis merangkumi dua- dua bahasa yang dikaji. Ini dianggap satu jumlah yang cukup untuk mendapatkan satu kesimpulan bagi mencapai objektif kajian. Penganalisaan terjemahan berita dunia ke dalam berita Tamil merangkumi komponen tajuk serta perenggan berita. Analisa keseluruhan tajuk dan teks berita bagi 80 sampel ini sesuai untuk memuatkan jumlah had mukasurat yang ditentukan untuk peringkat Sarjana.

1.8 Kerangka Teori Analisis Data Kajian

1.8.1 Kaedah Terjemahan Newmark (1988)

Newmark (1998) telah mencadangkan lapan kaedah terjemahan dalam bukunya *A Book of Translation*. Antaranya termasuklah penterjemahan kata demi kata, penterjemahan harafiah, penterjemahan setia, penterjemahan semantik, adaptasi, penterjemahan bebas, penterjemahan idiomatik dan penterjemahan komunikatif. Rajah 1.8.1 menunjukkan ringkasan teori terjemahan Newmark(1988).



Rajah 1.8.1 : Kaedah Terjemahan Newmark (1988)

Menurut Newmark (1998), penterjemahan kata demi kata diberi definisi sebagai sesuatu teks yang diterjemahkan mengikut perkataan demi perkataan tanpa mengira makna konteksnya. Walaubagaimanapun, kaedah ini masih boleh digunakan jika struktur bahasa sumber dan struktur bahasa sasaran adalah sama. Tambahan pula, kaedah ini diamalkan pada tahap penterjemahan awal dan kemudian ayatnya akan disusun semula.

Selain itu, penterjemahan harafiah hampir sama dengan kaedah penterjemahan kata demi kata dimana konteks teks asal tidak diambil kira semasa proses terjemahan tetapi dalam penterjemahan harafiah perkataan akan disusun semula untuk mendapat struktur ayat yang gramatis (Newmark, 1988). Seterusnya ialah penterjemahan setia. Dalam

terjemahan setia ini, penterjemah mencuba untuk menghasilkan makna konteks sebenar tetapi masih terikat dengan struktur gramatis bahasa sumber. Penterjemahan ini menghasilkan teks terjemahan yang setia kepada bahasa sumber. Misalnya, istilah budaya sentiasa membuat masalah jika mencuba untuk menggunakan kaedah ini (Newmark, 1998).


Disamping itu, penterjemahan semantik juga terikat dengan bahasa sumber tetapi kaedah ini lebih luas daripada penterjemahan setia. Lebih-lebih lagi, jika menggunakan kaedah ini untuk terjemahan istilah budaya mudah difahami oleh pembaca. Dalam kaedah ini keindahan ayat bahasa sumber diutamakan tetapi kesemuanya terdapat batasan. Kaedah seterusnya ialah adaptasi. Menurut Newmark (1998), kaedah ini lebih memberi keutamaan kepada bahasa sasaran dimana keterikatan bahasa dan budaya bahasa sumber sangat tipis. Kaedah ini paling bebas dalam terjemahan. Unsur-unsur budaya bahasa sumber akan digantikan dengan unsur budaya yang lebih dekat dengan bahasa sasaran. Oleh hal yang demikian, kaedah ini Kebanyakannya digunakan dalam terjemahan puisi atau teks drama.

Sementara itu, penterjemahan bebas mengutamakan terjemahan konteks teks asal daripada strukturnya. Kaedah ini biasanya melibatkan parafrasa yang panjang daripada asalnya bagi memudahkan kefahaman pembaca sasaran. Lain daripada itu, penterjemahan idiomatik memfokuskan kepada penyampaian pesanan bahasa sumber tetapi cenderung kepada keindahan gramatikal dan leksikal bahasa sumber. Walaupun ungkapan idiomatik bahasa sumber diterjemahkan dalam ungkapan biasa bahasa sasaran, hasil terjemahannya akan nampak seperti penulisan asli (Newmark, 1988).

Akhirnya, penterjemahan komunikatif. Menurut Newmark (1998) dalam bukunya *A Textbook of Translation*, penterjemahan ini melibatkan makna kontekstual teks bahasa sumber yang menghasilkan terjemahan bahasa mahupun isinya dengan tepat dan dapat diterima oleh pembaca sasaran. Teori terjemahan Newmark (1988) ini akan digunakan dalam menganalisis kaedah terjemahan yang digunakan dalam berita dunia bahasa Inggeris ke bahasa Tamil.

1.8.2 Struktur Berita Stovall(2012)

Penulisan berita mempunyai strukturnya sendiri dimana struktur ini membantu pembaca mendapat maklumat tersusun dan pantas serta penyunting juga mudah mengenali bahagian penting dan kurang penting dalam proses penyuntingan berita (Stovall, 2012). Struktur penulisan berita biasanya dikaitkan dengan piramid terbalik berita yang merangkumi maklumat paling penting serta maklumat kurang penting. Rajah 1.8.2 menunjukkan ringkasan struktur berita Stovall (2012).



Rajah 1.8.2: Struktur berita Stovall (2012)

Pada bahagian pertama maklumat utama yang merangkumi persoalan siapa, apa, bila, dimana, kenapa dan bagaimana distrukturkan sebagai maklumat paling penting berita. Maklumat kedua terpenting menerangkan petikan yang mengandungi maklumat tambahan tentang sesuatu kejadian berita. Dalam bahagian ini pembaca mendapat Kebanyakan maklumat. Pada bahagian seterusnya maklumat kurang penting iaitu akan mengulang semula maklumat yang dipersembahkan di atas bagi menyedarkan pembaca tentang kejadian benar berlaku ini. Pada bahagian terakhir, perkara paling kurang penting iaitu maklumat yang akan memberi latar belakang tentang berita bagi mengingat semula perkara yang berkaitan dengan berita sebelum ini supaya rakyat mengenali berita dengan penuhnya. Teori ini akan digunakan dalam perbandingan struktur berita asal dan berita terjemahan.

1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Berita dunia

Berita ialah sesuatu yang membolehkan masyarakat mendapat pelbagai maklumat. Tanpa berita masyarakat mungkin tidak boleh mengetahui apa yang sedang berlaku di negara ini serta negara lain. Kekangan kewangan bagi mempunyai wartawan di luar negara surat khabar tempatan mendapatkan berita antarabangsa daripada saluran berita antarabangsa seperti *Reuters*, *Agence France Presse (AFP)*, dan *Associate Press (AP)*. Oleh itu, *The Associate Press (AP)*, *United Press International (UPI)*, *Reuters*, *Agence-France Presse (AFP)* dan *Cable News Network (CNN)* telah disamakan dengan liputan

berita antarabangsa dengan kemiringan Barat. Berita dunia merupakan salah satu elemen utama dalam semua surat khabar.

Sebuah teks berita akan diterjemahkan oleh penterjemah- penterjemah dalam bahasa masing- masing. Selepas proses terjemahan selesai berita tersebut akan disiarkan dalam surat khabar bahasa masing- masing. Namun, tidak semua berita dunia Bahasa Inggeris diterjemahkan dalam berita Bahasa Tamil mungkin disebabkan atas sebab- sebab tertentu. Terjemahan berita dunia ini membantu semua orang mengetahui tentang sesuatu perkara yang berlaku di seluruh dunia. Teks berita dapat memberi pandangan kepada rakyat supaya peka dan sedar terhadap dunia sebenar.

1.9.2 Bahasa Tamil

Daripada 6000 bahasa, hanya 2700 bahasa sahaja masih wujud di seluruh dunia (Paranthamanar, A. K., 1984:18). Bahasa- bahasa ini dikategorikan di bawah 13 keluarga bahasa. Salah satu kumpulannya ialah keluarga Dravidia yang berasal dari India. Caldwell (1875) memperkenalkan perkataan bahasa Inggeris iaitu *Dravidian*. Bahasa Tamil merupakan salah satu bahasa daripada 28 bahasa di keluarga Dravidia. Tambahan pula, bahasa Tamil tergolong dalam bahasa tertua di dunia. Sebanyak 70 negara di dunia menuturkan bahasa ini (Paramasivam, S., 2000:64-66). Bahasa Tamil yang diiktiraf sebagai bahasa klasik oleh Kerajaan India, kini menjadai bahasa rasmi di Singapura, Sri Langka dan Tamil Nadu(India).

Menurut Paranthamanar, A. K. (1984:20) jangka masa penemuan bentuk tulisan Tamil dianggarkan menjangkau lebih daripada 2,500 tahun. Bentuk tulisan bahasa Tamil yang digunakan pada hari ini telah melalui banyak perubahan dari semasa ke semasa. Pengubahsuaian bentuk tulisan itu turut diguna pakai oleh sistem pendidikan Tamil di Malaysia selepas tahun 1990-an. Bahasa Tamil turut berkembang sejak wujudnya penggunaan teknologi percetakan dan teknologi perkomputeran. Keadaan ini mengizinkan bahasa Tamil digunakan dalam pelbagai perantaraan seperti media cetak dan media elektronik (Ilangovan, M., 2009:67).

1.9.3 Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris merupakan bahasa yang ketiga yang paling banyak bahasa ditutur dari segi penutur asli di seluruh dunia. Bahasa Inggeris ialah daripada kumpulan bahasa Indo- Eropah. Bahasa ini juga menjadi bahasa antarabangsa. Di Malaysia, bahasa ini digunakan secara luas dalam pelbagai urusan.

1.9.4 Bahasa sumber

Bahasa sumber di sini dikatakan adalah bahasa asal yang digunakan sebelum proses terjemahan. Bahasa sumber juga merupakan bahasa pertama sesuatu berita, peristiwa, maklumat yang kemudiannya akan diterjemahkan. Dalam kajian ini, berita Bahasa Inggeris menjadi berita bahasa sumber yang akan mengalami proses terjemahan.

1.9.5 Bahasa sasaran

Bahasa sasaran ialah bahasa yang digunakan mengikut pembaca sasaran selepas proses terjemahan. Bahasa sumber Bahasa Inggeris akan mengalami proses terjemahan ke dalam bahasa sasaran Bahasa Tamil. Dalam kajian ini, berita Bahasa Tamil merupakan berita bahasa sasaran.

1.9.6 Struktur berita

Tidak kesemua peristiwa yang terdiri boleh dilaporkan atau diinformasikan. Seorang wartawan hendaklah mampu menyusun dan menyunting maklumat berita. Penulisan berita mempunyai strukturnya tersendiri. Struktur berita sering dikaitkan dengan piramid terbalik yang menerangkan bahagian yang berinfomasi sehingga bahagian yang tidak penting sewaktu penulisan berita. Gambaran piramid terbalik akan dijelaskan dan bahagian Bab 3.

1.9.7 Kaedah terjemahan

Norizah Ardi (2009) berkata dalam bukunya “Pengantar Prinsip Penterjemah”, terdapat banyak kaedah yang digunakan dalam proses terjemahan dan menganalisis terjemahan. Kaedah penterjemahan penting dalam memastikan setiap teks yang diterjemahkan perlu faham dan disampaikan dengan jelas kepada pembaca atau pengguna.

1.10 Kesimpulan

Kajian terhadap analisis terjemahan berita dunia bahasa Inggeris ke dalam bahasa Tamil membuka ruang untuk mengenal pasti teknik terjemahan yang digunakan oleh penterjemah serta dapat membantu penterjemah dan pihak media dalam meningkatkan kualiti teks berita terjemahan.

RUJUKAN

- Alkaff, S., & McLellan, J. (2017). " Same News, Different Stances"? A Comparative Media Discourse Investigation of Hard News Texts in the New Straits Times and Berita Harian. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25(2).
- Anis Shahirah Abdul Sukur & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2015). Analisis Piramid Terbalik dan Nilai Berita dalam Terjemahan Berita Dunia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 51-79.
- Ariyaningsih, N. N. D., & Santika, I. D. A. D. M. (2018). Terjemahan Teks Berita Pariwisata Bahasa Inggris Ke Bahasa Indonesia Oleh Mahasiswa Semester 4. *Sintesa*.
- Asmah Omar. (1979). *Aspek penterjemahan dan interpretasi*. Kuala Lumpur: Pusat Bahasa Universiti Malaya.
- Asmah Hj. Omar. (1987). *Bahasa Laporan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azahar Kasim, Adibah Ismail & Sazali Abd Wahab. (2018). Framing Strategic News from The Perspective of Media Organizations in Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 34(1).
- Azizah Mokhzni. (1984). Peranan Penterjemahan Dalam Pembinaan Bahasa Melayu. Kertas kerja yang dibentang di Seminar Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu. Ke- IV, Kuala Lumpur.
- Bassnett, S. (2001). An Historical Perspective. *An Encyclopaedia of Translation: Chinese-English, English-Chinese*, 388.
- Bell, R. T. (1991). *Translation and translating: Theory and practice*. Taylor & Francis
- Berg, B. L., & Lune, H. (2007). *Qualitative research methods for the social sciences* 6th edition. *Pearson*.
- Bryman, A. (2012), *Social Research Methods*, 4th edn. Oxford University Press: New York.
- Caldwell, R. (1875). *A comparative grammar of the Dravidian* (2nd ed. renewed). Chennai: Kavita:caran patippakam.
- Dhandayutham,R. (1973). *tar̥ka:lat tamil ilakiyam*. Chennai: Tamil Puthakalayam.
- Hao, Y. (2017). On the Translation of English Hard News under Inter-cultural Background. *Journal of Language Teaching and Research*, 8(2), 297-305.

- Ngan.H.C dan Hasuria Che Omar. (2010) Elemen-elemen Jenaka dalam Rancangan Televisyen Ugly Betty : Satu Analisis dari Segi Penterjemahan dalam *Jurnal Penterjemah*, Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan Malaysia.
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Ilangovan, M. (2009). *Inaiyam kaRpo:m* [Mempelajari internet]. Tamil Nadu: Vayalveli patippakam.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. Edisi keempat (2010) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanmani,S (2007). *Penterjemahan Berita Di Televisyen: Kaedah Dan Peranan Penterjemah*. (Tesis Yang Belum Diterbitkan). Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Krishnan,M. (1988). *Sejarah Dan Perkembangan Akhbar Dan Majalah India Sebelum Dan Selepas Merdeka – Sumbangan Serta Peranannya Dalam Masyarakat India*. Seminar Akhbar Dan Majalah. Bangi:Kuala Lumpur
- Mahmudah, Q., Haq, R. A., & Ridwan, M. (2018). Kajian Terjemahan Penanda Kohesi Pronomina Dan Ideologi Penterjemahan Pada Hadits Arba'in Ke 31-40 Karya Ibnu Daqiq Al'ied Ke Dalam Bahasa Indonesia. *Haluan Sastra Budaya*, 1(2), 185-209
- Mayring, Hsieh, H-F.,& Shannon, S. E. (2005). *Three Approaches to Qualitative Content Analysis*. *Qualitative Health Research*; 15(9):1277-88
- Mohd Nor Shahizan Ali & Ahmad Munawar Ismail. (2017). Konstruksi Pelaporan Pemikiran Isu Liberalisasi Agama Dalam Portal Berita Harian dan The Star. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 33(1).
- Mohd Ainon & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan teknik terjemahan*. PTS Professional.
- Mohd Zuwairi Mat Saad & Normah Mustaffa. (2017). Journalism And News Industry In Malaysia: New Media, New Challenges. *e-Bangi*, (2).
- Muthurasan, K. (1994). *Ithaliyal Valarcchiyum moli Peyarppum. Mullaiyarasan Pathippagam, H.52 Tamil Naadu Viidduvasathi Vaariyam*.
- Nadya Nadiyah Hamdan.(2014). *Etika dalam Terjemahan*.
- Nadya, N. L. (2016). Memaknai Struktur dan Unsur Berita Kriminal. *Jurnal Didascien Bahasa*, 1(1).

- Naimah, A. (2005). *Cemerlang dalam peperiksaan, lemah dalam kemahiran komunikasi: Permasalahanyang dihadapi oleh pelajar penutur bukan jati yang mempelajari bahasa ketiga*. Proceedings of ILANNS 2005 Conference. MARA University of Technology Malaysia.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. Oxford: Pergamon Press.
- Newmark, P (1988). *A Textbook Of Translation*. Prentice Hall: New York, p. 5
- Nida, E. (1964). *Toward a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Nida, E. A. (1975). *Language structure and translation: Essays*. Stanford, Calif: Stanford University Press.
- Nirwana Sudirman & Zulkifley Hamid. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebiasaan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2).
- Noor Bathi Badarudin.(2002). Dunia Media Moden. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Norizah Ardi. (2011). *Asas dan kemahiran menterjemah*. Selangor: August Publishing Sdn.Bhd.
- Nur Munirah Mohamed Aziz & Rohaidah Kamaruddin. (2019). Kelainan Terjemahan Dalam Terjemahan Teks Bahasa Inggeris Kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 73-81.
- Paramasivam, S. (2000). *NaRRamiL ilakkanam* [Tatabahasa Tamil] (6th ed.). Chennai: Pattup patippakam.
- Paranthamanar, A. K. (1984). *Nalla TamiL eLuta ve:nduma:?* [Hendakkah menulis bahasa Tamil yang betul?]. Chennai: Pa:ri Nilaiyam.
- Parimala Gunasekaran. (2018). *Analisis Pembangkaian Tajuk Berita Jenayah dalam Bahasa Melayu dan Terjemahannya kedalam Bahasa Tamil*. Doctoral dissertation, University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Pascarina, H. (2018). Disfemisme Dan Terjemahannya Pada Teks Berita BBC Online. Leksema: *Jurnal Bahasa dan Sastra*, 3(1), 1-10.
- Patton, M. (2002). *Qualitative Research and Evaluation Methods*, 3rd edn. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Peersman, G. (2014). *Overview: Data Collection and Analysis Methods in Impact Evaluation, Methodological Briefs*. UNICEF Office of Research- Innocenti
- Puteri Roslina Abdul Wahid. (2007). *Dinamisme dalam Karya Terjemahan Kreatif Tunnels*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Reiss , K. and H. Vermeer (1984). *Groundwork for a General Theory of Translation*. Tübingen: Niemeyer

- Rokiah Awang. (2000). "The Translation Of English News Into Malay In The Malay Newspaper Of Malaysia."Tesis Doktor Falsafah (Tidak Diterbitkan),Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Romli, Asep Syamsul. M. (2018). *Jurnalistik Online: Panduan Mengelola Media Online*. Bandung: Nuansa Cendekia.
- Rosihan Anwar. (1984). *Bahasa Jurnalistik dan Komposisi*. Jakarta: Pradaya.
- Schudson. (1986).When? Deadlines, Datelines, and History. *Reading The News*. pp. 81– 82.
- Selva Kumaran Subrayan. (2017). *Penterjemahan ulasan berita Bahasa Melayu ke Bahasa Tamil dalam siaran radio RTM*. (Doctoral dissertation). University of Malaya).
- Shahrul Azman Mohd Noah, Nazlena Mohamad Ali & Mohd Sabri Hasan. (2018a). Penjanaan Ringkasan Isi Utama Berita Bahasa Melayu berdasarkan Ciri Kata (Generation of News Headline for Malay Language based on Term Features). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 18(4).
- Sharil Nizam bin Sha'ri (2010). *Aplikasi teori dan format penyuntingan bahan linear dalam surat khabar Bahasa Melayu* (Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia).
- Shi, X. (2014). English-chinese News Headlines Translation from a Skopostheorie Perspective. *Theory and Practice in Language Studies*, 4(9), 1881-188
- Shoemaker, P. J., & Cohen, A. A. (2006). *News around the world: Content, practitioners, and the public*. New York: Routledge.
- Siti Suriani Othman, Liana Mat Nayan & Lee Kuok Tiung. (2017). Hubungan pembaca dan berita dalam akhbar Malaysia: satu analisis dari perspektif editor. *Malaysian Journal of Media Studies*, 17(2), 86-100.
- Stephens. (1988). *History of News*. p. 13.
- Stovall,James. G. (2012). *Writing for the Mass Media*.Boston: Pearson.
- Sulkifly, S. (2020). *Analisis Nilai Berita Bencana Tsunami Dan Gempa Di Palu Dan Donggala Di Harian Fajar (Periode September-November 2018)* (Doctoral dissertation, Universitas Hasanuddin).
- Tamilvanan. (1987).*Tamil Pathirikaikalin Thotramum Valarcciyum*. Madras: Manimekalai Pirasuram.

- Thanalachime Perumal. (2015). *Hujahan "Luahan Rasa" dalam Akhbar Berbahasa Tamil Terpilih*. Doctoral dissertation, Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.
- Ursell, G. (2001). Dumbing down or shaping up? New technologies, new media, new journalism. *Journalism*, 2(2), 175–196.
- Vourinen, Erkkä. (1997). "News Translation as Gatekeeping." Dalam *Translation as Intercultural Communication*. Penyunting: Snell-Hornby, M., Jettmarová, Z. & Kaindl, K., 161-171. Amsterdam & Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Wu, X. (2018). Framing, reframing and the transformation of stance in news translation: a case study of the translation of news on the China–Japan dispute. *Language and Intercultural Communication*, 18(2), 257-274.
- Yokammal, M. (2006). *Bahasa Iklan Dalam Akhbar Tamil Malaysia: Satu Kajian Diskriptif*. Disertasi Linguistik, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Zubaidah Ibrahim-Bell (2006). *Translating Travel Literature. Foreign Literature Studies*. Hunkuk University of Foreign Studies.
- Zhang, Y., & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative Analysis of Content. In B. Wildemuth (Ed.), *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science* (pp.308-319). Westport, CT: Libraries Unlimited.

BIBLIOGRAFI

- Fleming, Grace. (2020, August 27). How to Write a News Article That's Effective. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/how-to-write-a-news-article-1857250>
- Rogers, Tony. (2020, August 25). 15 News Writing Rules for Beginning Journalism Students. Retrieved from <https://www.thoughtco.com/here-are-helpful-news-writing-rules-2074290>